

UCAPAN ALUAN

PROF. TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN

NAIB CANSELOR UTeM




KPT PRIHATIN TUAH UTeM SEJAHTERA

UN 22 September 2022, 8.30 Malam, Hotel Mudzaffar

SALUTASI

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

1. **YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali**
Ketua Menteri Melaka
2. **Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad**
Menteri Pengajian Tinggi
3. **Yang Berhormat Datuk Hajah Kalsom binti Noordin**
Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan Negeri Melaka



4. YBhg. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi

5. YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan)



6. YBhg. Dato' Prof. Dr. Husaini bin Omar
Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi

7. Naib Canselor-Naib Canselor Universiti Awam
أونیفرسیتی نائب نائب نائب

8. YBhg. Dr. Apli bin Yusoff
Pengerusi, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

9. YBhg. Dato' Seri Jamil bin Salleh

Pengerusi Pemegang Amanah Yayasan Canselor UTeM

10. Timbalan-Timbalan Naib Canselor Universiti Awam

11. Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pengajian Tinggi

12. Pegawai-pegawai Kanan Universiti Awam

13. Para Mahasiswa


14. Seterusnya Tuan-tuan, puan-puan, Keluarga KPT yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia, Salam Melakaku Maju Jaya
Rakyat Bahagia Menggomit Dunia, Salam Keluarga UTeM.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya kita dapat dipertemukan pada malam ini bersempena dengan Program KPT Prihatin TUAH UTeM Sejahtera.
2. Pertama sekali, saya bagi pihak seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua menteri Melaka atas kesudian meluangkan masa hadir dan bersama-sama

dalam program ini. Tidak dilupakan juga kepada Yang berhormat Menteri Pengajian Tinggi yang sudi memenuhi jemputan UTeM untuk bersama-sama dalam program berimpak ini. Sesungguhnya, kehadiran dan kebersamaan YAB Ketua Menteri Melaka dan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi dalam program hari, menyuntik semangat, mencetus inspirasi dan menjadi suri teladan terbaik kepada seluruh warga UTeM khususnya dalam menyemarakkan lagi semangat dan budaya keprihatinan sesama kita dengan lebih holistik.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat dan hadirin sekalian,

3. Menjangkau usia 22 tahun penubuhan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus komited dalam merealisasikan agenda kebajikan pelajar sebagai suatu tindakan yang harus diberikan perhatian khusus. Sejajar dengan slogan "Tahun 2022 Tahun Kebajikan Pelajar" UTeM menerusi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah melaksanakan pelbagai inisiatif murni yang memberi manfaat terhadap kesejahteraan dan kemakmuran pelajar khususnya mereka yang tergolong dalam kumpulan B40. Antara inisiatif tersebut adalah:

- a. Inisiatif Food Bank @ UTeM yang telah mendapat kerjasama baik dari beberapa agensi tempatan seperti KPDNHEP, YaPEIM dan lain-lain lagi,


- b. Pemberian bantuan komputer riba dan peranti bagi memudahkan urusan PdP para pelajar yang memerlukan;
 - c. Inisiatif pemberian kupon makanan TUAH Care Food @ Campus sejajar dengan pengenalan Menu Keluarga Malaysia dan Menu Keluarga UTeM;
 - d. Inisiatif Anak Emas UTeM menerusi tajaan kos pengajian dan sara hidup;
 - e. Pengenalan Skim Pinjaman Jangka Pendek, Skim Pelajar Bekerja Secara Sambilan, dan pelbagai lagi.
4. Selain menerima bantuan daripada pelbagai pihak, UTeM juga tidak alpa dalam menghulurkan bantuan kepada lapisan masyarakat luar

yang memerlukan. Seperti peribahasa berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, usaha ini sekali gus menyemarakkan lagi sikap keprihatinan di kalangan warga UTeM di samping melonjakkan lagi peranan UTeM sebagai Universiti untuk masyarakat.

5. Semangat keprihatinan dan tanggungjawab yang dizahirkan oleh UTeM ini adalah sejajar dengan komitmen Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam menyemarakkan semangat #KPTPrihatin. Sikap keprihatinan ini juga amat signifikan dengan Prinsip Keluarga Malaysia, khususnya responsif terhadap keperluan semasa, bertanggungjawab dan amanah dalam memenuhi keperluan kebajikan terutamanya di kalangan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi.

Indah Kesidang melilit ranting,
Bunganya lebat di dalam bakul;
Andai ringan sama dijinjing,
Andai berat sama-sama dipikul.


Hadirin Sekalian,

- 
6. Segala tindakan dan gerak kerja ini pastinya sukar direalisasikan tanpa sokongan dan kerjasama dari semua pihak. Diharapkan juga lebih banyak agensi kerajaan, korporat dan swasta terus memberikan sumbangan kepada UTeM sebagai usaha kita bersama untuk menjaga kebijakan para pelajar kita di samping untuk membentuk

mereka menjadi bakat insan dan pemimpin berkaliber pada masa depan.

7. Mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka dan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi yang tidak pernah jemu memberikan sokongan dan dorongan berterusan kepada UTeM.
8. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan program pada hari ini.
9. Semoga segala apa yang kita laksanakan ini memperoleh keberkatan dan ganjaran Allah SWT.

Kalau ingin menjerat kedidi
Jangan di umpan si anak kelara
TUAH prihatin menyemai budi
Menjadi tauladan aspirasi negara



Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum* wrt. wbt.
Terima kasih.

اوینیورسیتی تیکنیکال ملیسیا ملاکا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA